



TEKS UCAPAN
YABHG DATIN SERI UTAMA HJH. MUNIRA BINTI M. YUSOP
PENGERUSI BISTARI NEGERI MELAKA
SEMPENA
MESYUARAT AGUNG KHAS
BISTARI NEGERI MELAKA

TARIKH: 15 OGOS 2021 (AHAD), MASA: 02.00 PETANG

Kehadapan,

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah.

Asmah Binti Ab Rahman,

Isteri kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)

Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri

Melaka;

1. Sekali lagi, bagi pihak semua ahli BISTARI Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira kerana sudi menyertai mesyuarat ini hingga ke penghujungnya.

2. Sesungguhnya, kami sentiasa mengharapkan nasihat serta buah fikiran Toh Puan Datuk Wira dalam merealisasikan harapan BISTARI dan rakyat negeri Melaka untuk menjadikan negeri Melaka sebagai negeri yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan fizikal, tetapi juga berada di tahap tertinggi dalam setiap aspek kehidupan seperti kemakmuran ekonomi, pembangunan modal insan dan kebajikan, selaras dengan slogan, Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira, saya mmohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada

semua hadirin ahli mesyuarat yang dihormati dan dikasihi.

Ahli-ahli BISTARI yang dihormati sekalian,

3. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, mesyuarat kita telah tiba ke penghujungnya. Saya memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam mempengerusikan Mesyuarat Agung Khas sebentar tadi.
4. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli BISTARI terutama Barisan

Jawatankuasa baharu yang telah bekerjasama dalam menjayakan Mesyuarat Agung Khas BISTARI kali ini.

5. Walaupun, kita sedang mendepani pandemik COVID-19, namun, kita sebagai badan bukan kerajaan (NGO) perlu bergerak seiring, seiya dan sekata dengan Kerajaan Negeri Melaka untuk menyempurnakan matlamat persatuan kita.
6. Di kesempatan ini juga, suka saya berpesan kepada semua hadirin untuk terus sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan walau di mana jua kita

berada. Pastikan kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer*, sentiasa memakai pelitup muka, jaga penjarakan sosial serta menjauhi tempat yang sesak dan sempit. Selain itu, saya juga menyeru kita bersama-sama membantu menguar-uarkan dan mengingatkan kepada ahli keluarga, sahabat-handai dan rakan taulan kita untuk segera mendapatkan suntikan vaksinasi. Sama-samalah kita jaga kita dan memutuskan rantaian wabak COVID-19.

Ahli-ahli BISTARI yang dihormati sekalian,

7. Saya juga memohon dan merayu semua ahli agar dapat bersama-sama berganding bahu dalam usaha menjayakan segala program dan aktiviti yang sedang dan bakal disusun oleh Barisan Jawatankuasa BISTARI Negeri Melaka.

8. Sokongan dan penglibatan rakan-rakan BISTARI akan menjadi kayu ukur bagi kejayaan BISTARI. Bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat.

9. Akhir kata, bagi mengakhiri ucapan saya ini, marilah kita sama-sama meneliti pantun ini bagi muhasabah diri sendiri dan sahabat kalian.

***Di sana padi di sini padi,
Itulah nama sawah dan bendang,
Di sana budi di sini budi,
Barulah sempurna bernama orang.***

Yang Amat Berbahagia Toh Puan, demikianlah ucapan saya kepada hadirin sekalian.

10. Bagi pihak Persatuan BISTARI, saya mendoakan agar Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira serta keluarga, sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera, dilanjutkan usia dan dimudahkan rezeki setiap masa.

Sekian,

Wabillahitaufikwalhidayah,
Warahmatullah-Hiwabarakatuh.

Wassalamualaikum

- TAMAT-